

KERTAS

1

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

5.1 Konsep Gagasan Malaysia

- Idea gagasan Malaysia dikeskakan pada akhir abad ke-19 melibatkan pihak British dan penduduk tempatan. Antara berikut, yang manakah merupakan idea gagasan Malaysia? (BUKU TEKS m.s. 92)
 - Perasaan cinta akan negara
 - Persediaan membentuk kerajaan sendiri
 - Pembentukan kerajaan rantau Asia Tenggara
 - Penggabungan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara
- Pihak pegawai British mengemukakan idea penyatuan wilayah penguasaan British di Asia Tenggara dalam satu pentadbiran dan ekonomi. Apakah tujuan penyatuan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 92)
 - Menguatkan pertahanan British
 - Memudahkan pentadbiran British
 - Menjamin keselamatan tanah jajahan British
 - Mempercepat kemerdekaan tanah jajahan British

5.2 Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

- Pada tahun 1887, Lord Brassey, Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara mencadangkan penggabungan

wilayah berikut untuk menjadi tanah jajahan yang besar.

- Sarawak
- Sabah
- Negeri Melayu
- Negeri-Negeri Selat

Apakah rasional penggabungan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 91)

- Kestabilan politik
- Perpaduan kaum
- Potensi ekonomi
- Kekuatan pertahanan

- Tokoh berikut telah mencadangkan agar pembentukan Malaysia disegerakan.



Sir Gerald Templer

Mengapakah beliau memberikan cadangan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 91)

- Faktor keselamatan
- Kepentingan ekonomi
- Pembangunan wilayah
- Keseimbangan komposisi penduduk

- Pada tahun 1960, Sir Geofroy Tory iaitu Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Apakah alasan beliau berkaitan penyatuan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 91)

- Kepentingan ekonomi
- Keselamatan terpelihara
- Kemudahan pentadbiran
- Kemerdekaan dipercepatkan

- Pada tahun 1906, sebuah majalah tempatan menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi di Alam Melayu.

Apakah majalah yang dimaksudkan? (BUKU TEKS m.s. 92)

- Al-Imam
- Saudara
- Neracha
- Al-Ikhwan

- Tunku Abdul Rahman al-Haj mencadangkan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan wilayah berikut dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan.

- Sarawak
- Sabah
- Singapura
- Brunei

Apakah manfaat yang diperoleh daripada gabungan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 92)

- Keselamatan
 - Kerjasama politik
 - Pembahagian kuasa
 - Pembangunan wilayah
- I dan II
 - II dan III
 - I dan IV
 - III dan IV

- Pertubuhan berikut bergerak aktif di Sarawak.

Clandestine Communist Organization (CCO)

Apakah kesan daripada situasi tersebut terhadap Sarawak? (BUKU TEKS m.s. 91)

- A Keselamatan terancam
- B Pembangunan negeri terjejas
- C Kemasukan imigran bertambah
- D Perpaduan kaum bertambah erat

9 Dua buah wilayah yang berikut diocadangkan untuk menyertai gagasan Malaysia.

- Singapura
- Sarawak

Apakah masalah yang hendak dibendung di kedua-dua wilayah tersebut? (BUKU TEKS m.s. 31)

- A Ancaman lanun
- B Pertikaian politik
- C Ancaman komunis
- D Pemberontakan rakyat

5.3 Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia

10 Cadangan pembentukan Malaysia menimbulkan pelbagai reaksi daripada parti-parti politik di Sarawak. Parti manakah yang menentang cadangan pembentukan Malaysia pada peringkat awal? (BUKU TEKS m.s. 95)

- I SUPP
- II SNAP
- III PANAS
- IV PESAKA
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Pada bulan Oktober 1962, parti berikut telah bergabung dan dikenal sebagai Parti Perikatan Sarawak. Apakah yang diperjuangkan oleh Parti Perikatan? (BUKU TEKS m.s. 95)

- A Perpaduan kaum
- B Pembangunan negeri
- C Pembentukan Malaysia
- D Penubuhan Kerajaan Borneo

12 Pada peringkat awal, penduduk di Sabah berpendapat bahawa tiada keperluan untuk bergabung dengan Malaysia. Mengapakah mereka beranggap demikian? (BUKU TEKS m.s. 96)

- I Kemerdekaan sudah tercapai
- II Sistem pendidikan berkembang pesat
- III Kegiatan perdagangan kian berkembang
- IV Sistem perkhidmatan awam semakin baik
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

13 Pada 9 Ogos 1961, para pemimpin di Borneo membentuk Barisan Bersatu (United Front). Apakah tujuan pembentukan pertubuhan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 96)

- A Menyatupadukan penduduk
- B Memperjuangkan kemerdekaan
- C Menyokong pembentukan Malaysia
- D Mencabar rancangan pembentukan Malaysia

14 Cadangan pembentukan Malaysia mendapat tentangan daripada segolongan penduduk di Singapura. Mengapakah Barisan Sosialis di Singapura menentang pembentukan Malaysia? (BUKU TEKS m.s. 97)

- A Menjejaskan perpaduan kaum
- B Bimbang kepentingan rakyat terancam
- C Menganggapnya sebagai penjajahan baru
- D Ingin mencapai kemerdekaan terlebih dahulu

15 Idea pembentukan Malaysia telah mendapat pelbagai reaksi daripada penduduk Brunei. Apakah alasan A.M Azahari untuk menentang cadangan pembentukan Malaysia? (BUKU TEKS m.s. 97)

- A Satu bentuk penjajahan baru
- B Cara British mengekalkan pengaruh
- C Kuasa pentadbiran dirampas secara mutlak
- D Keamanan di rantau Asia Tenggara terganggu

16 Presiden Macapagal dari Filipina menentang pembentukan Malaysia. Mengapakah beliau bertindak demikian? (BUKU TEKS m.s. 97)

- A Menuntut hak terhadap Sabah
- B Menerima hasutan daripada komunis
- C Mengancam kedudukan ekonomi Filipina
- D Mengancam keselamatan di rantau Asia Tenggara

17 Kerajaan Thailand memberikan reaksi positif dan menerima idea pembentukan Malaysia. Mengapakah kerajaan Thailand menyokong pembentukan Malaysia? (BUKU TEKS m.s. 97)

- A Membuka peluang pasaran yang luas
- B Menyeimbangkan komposisi penduduk
- C Membawa keamanan di rantau Asia Tenggara
- D Membebaskan Asia Tenggara daripada penjajahan kuasa Barat

5.4 Langkah Pembentukan Malaysia

18 Satu referendum telah diadakan di Singapura pada awal bulan September 1962. Apakah kesan daripada referendum tersebut? (BUKU TEKS m.s. 100)

- A Penyertaan Singapura dalam Malaysia
- B Pemberontakan Parti Rakyat Singapura
- C Pemisahan Singapura daripada Malaysia
- D Penentangan Singapura terhadap Malaysia

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan beberapa siri lawatan yang dibuat oleh pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Tarikh	Lawatan
Julai 1961	Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak dan Brunei
Ogos 1962	Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Temenggung Jugah anak Barieng, Donald Stephens dan Datu Mustapha Datu Harun mengadakan lawatan ke Persekutuan Tanah Melayu
November 1962	Tunku Abdul Rahman membuat lawatan ke Sarawak dan Sabah

Apakah kepentingan lawatan tersebut?

(BUKU TEKST m.s. 91)

- A Mengeratkan hubungan persahabatan
B Meningkatkan hubungan perdagangan
C Menjayakan proses pembentukan Malaysia
D Memantapkan pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu

- 20 Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan secara rasmi pada bulan Januari 1962.

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

(BUKU TEKST m.s. 100)

- A Menggubal Perlembagaan Malaysia
B Menamatkan konfrontasi Indonesia
C Mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia
D Meninjau reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia

- 21 Gambar berikut menunjukkan ahli Suruhanjaya Cobbold.



Suruhanjaya Cobbold diketuai oleh Lord Cobbold. Apakah kandungan penting laporan suruhanjaya tersebut?

(BUKU TEKST m.s. 100)

- I 2/3 penduduk di Sarawak dan Sabah menyokong pembentukan Malaysia

II 2/3 penduduk di Sarawak dan Sabah menentang pembentukan Malaysia

III Jaminan khas yang diberikan kepada Sarawak dan Sabah boleh dipinda jika perlu

IV Kuasa autonomi Sarawak dan Sabah tidak boleh dipinda tanpa persetujuan kerajaan negeri berkenaan

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 22 Jawatankuasa berikut telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1962.

Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

(BUKU TEKST m.s. 102)

- I Menyediakan rangka perlembagaan
II Melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah
III Meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah
IV Memberikan kefahaman kepada pemimpin Sarawak dan Sabah

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 23 Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) mengusulkan 18 perkara bagi Sarawak dan 20 perkara bagi Sabah yang perlu dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Berdasarkan usul tersebut, Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah mempunyai kuasa dalam soal

(BUKU TEKST m.s. 101)

- I imigresen
II pendidikan
III pertahanan
IV Hubungan luar
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

55 Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

- 24 Maklumat berikut adalah antara inti pati Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada 9 Julai 1963.

- Memperuntukkan tempoh masa peralihan, contohnya dalam bidang pentadbiran awam kepada Sarawak dan Sabah.
- Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah, dan Singapura dalam Malaysia
- X

Apakah X?

(BUKU TEKST m.s. 101)

- A Singapura diberikan sebanyak 16 kerusi Parlimen
B Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 16 September 1963
C Sarawak dan Sabah diberi kelebihan menubuhkan kabinet negeri
D Semua penduduk di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu

- 25 Pada 12 Ogos 1963, U Thant, Setiausaha Agung PBB mengumumkan penubuhan United Nations Malaysia Mission (UNMM) untuk menilai dan membuat laporan berkaitan dengan pembentukan Malaysia. BUKU TEKS m.s. 104

Mengapakah jawatankuasa tersebut perlu ditubuhkan?

- A Bantahan rasmi daripada Indonesia terhadap pembentukan Malaysia
- B Penentangan daripada ke-banyakan penduduk di Sarawak dan Sabah
- C Singapura tidak puas hati dengan kandungan Perjanjian Malaysia
- D Pemberontakan berlaku di Brunei

- 26 Tarikh pengisytiharan Malaysia ditangguhkan dari 31 Ogos 1963 kepada 16 September 1963?

Mengapakah berlaku situasi tersebut? BUKU TEKS m.s. 101

- A Singapura menarik diri
- B Kegagalan rundingan di Manila
- C Kelewatan laporan Setiausaha PBB
- D Indonesia melancarkan dasar konfrontasi

5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani

- 27 Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia telah diumumkan pada 20 Januari 1963 oleh Dr Subandrio, Menteri Luar Indonesia.

Apakah alasan yang digunakan oleh Indonesia untuk melancarkan dasar tersebut? BUKU TEKS m.s. 106

- A Desakan penjajahan Barat
- B Pembentukan Indonesia Raya
- C Menuntut hak terhadap Sabah
- D Kedudukan Indonesia terancam

- 28 Maklumat berikut merupakan tindakan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia.

- Dasar Konfrontasi
- X

Apakah X? BUKU TEKS m.s. 106

- A Menyerang Kuala Lumpur
- B Melancarkan serangan gerila
- C Meminta bantuan negara jiran
- D Mencadangkan pembentukan Melayu Raya

- 29 Maklumat berikut adalah tindakan yang dilakukan oleh Indonesia terhadap Malaysia.

Tarikh	Tindakan Indonesia
16 Januari – 27 Mac 1963	Melancarkan serangan gerila di Sarawak
Ogos – Disember 1964	Pendaratan gerila di Johor

Mengapakah Indonesia bertindak demikian? BUKU TEKS m.s. 106

- A Dasar dekolonisasi
- B Kegagalan rundingan di Tokyo
- C Kegagalan rundingan di Manila
- D Dasar konfrontasi terhadap Malaysia

- 30 Gambar berikut menunjukkan Dr Ismail Abdul Rahman. Beliau di dalam Majlis Keselamatan PBB telah membentangkan aduan berkaitan isu konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.



Apakah pendekatan yang digunakan oleh Malaysia dalam menangani isu tersebut? BUKU TEKS m.s. 107

- A Provokasi
- B Autokrasi
- C Diplomasi
- D Demokrasi